

Rektor UNISSA hadiri Persidangan Antarabangsa



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal (kanan) ketika hadir pada Persidangan Antarabangsa Nilai-nilai Wasatiyyah dan Kesederhanaan dalam Al-Quran dan As-Sunna' yang berlangsung di Kota Suci Makkah.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

ARAB SAUDI, Ahad, 2 Jun. - Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji

Norarfan bin Haji Zainal telah menghadiri Persidangan Antarabangsa Nilai-Nilai

Wasatiyyah dan Kesederhanaan dalam Al-Quran dan As-Sunnah yang berlangsung di Kota Suci Makkah.

Persidangan yang dianjurkan oleh Liga Dunia Islam (Muslim World League - MWL) di bawah

naungan Penjaga Dua Masjid Suci, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud berlangsung selama tiga hari bermula 27 hingga 29 Mei 2019 di Makkah Hilton Convention Hotel.

Persidangan dihadiri oleh 1,300 peserta terdiri daripada pemimpin-pemimpin negara, menteri, ulama, cendekiawan dari 137 buah negara.

Berangkat hadir merasmikan persidangan tersebut ialah Putera Khalid bin Faisal Al Saud, Gobenu Kota Suci Makkah dan Penasihat Penjaga Dua Masjid Suci selaku wakil peribadi Kebawah DYMM Raja Salman.

Sebanyak 27 kertas kerja dibentangkan pada persidangan yang diakhiri dengan pengisytiharan Wathiqah (Dokumen) Makkah Al-Mukarramah yang menekankan kepentingan ajaran Islam yang sederhana diurusperandakan oleh para pendakwah Islam. Hal ini demi mengekang benih-benih keganasan dalam doktrin agama dan tindakan-tindakan keganasan yang dikaitkan dengan segelintir pemuda Islam akhir-akhir ini.

Rektor UNISSA diberikan penghormatan bagi mempengerusi sesi keempat persidangan bertajuk 'Memperkuh Wasatiyyah dan Kesederhanaan Dalam Komuniti Muslim'.

Kedai jahit kaut keuntungan menjelang raya



SALAH sebuah butik menjahit baju yang kini cukup terkenal dalam kalangan para pelanggan ialah Minah Exquisite Boutique and Tailoring.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 1 Jun. - Setiap kali menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri, kedai-kedai jahit adalah antara yang sibuk menerima tempahan daripada pelanggan lelaki dan wanita yang setentunya suka menggayakan pelbagai fesyen baharu semasa Hari Raya nanti.

Ketibaan Syawal merupakan salah satu peluang untuk kedai-kedai jahit mengaut keuntungan berlipat ganda berbanding hari-hari biasa kerana tempahan yang banyak untuk baju raya.

Tidak dinafikan, walaupun baju-baju raya siap sedia mudah didapati di pasaran pada masa kini,

namun kedai-kedai jahit masih juga menjadi pilihan utama orang ramai kerana rekaannya yang lebih eksklusif dan pelanggan lebih bebas untuk memilih kualiti serta jenis kain yang diingini, di samping ukuran dan potongannya yang lebih tepat.

Kedai-kedai jahit di musim-musim seperti ini dipenuhi dengan longgokan pelbagai jenis kain daripada pelanggan, di mana kesibukan mula dirasakan beberapa bulan sebelum Syawal lagi.

Pada musim perayaan inilah, tukang-tukang jahit di kedai-kedai jahit bekerja lebih masa dari awal pagi hingga lewat malam bagi

menyiapkan tempahan baju-baju pelanggan agar siap tepat pada waktunya sebelum tiba Hari Raya.

Dalam tinjauan Pelita Brunei ke kedai-kedai jahit mendapati bahawa tukang-tukang jahit sedang sibuk menyiapkan dan membuat persiapan terakhir bagi baju-baju yang ditempah.

Tugas dan tanggungjawab hendak menyiapkan kain tempahan para pelanggan inilah satu cabaran yang amat besar bagi tukang jahit bagi memenuhi cita rasa pelanggan yang berbeza dengan potongan dan fesyen yang bermacam rupa dan corak.

Lazimnya, jika dilihat di kedai-kedai jahit, kebanyakan kain-kain yang dipotong merupakan milik pelanggan wanita berbanding kaum lelaki. Ini kerana kebiasaannya kaum wanitalah yang paling 'iski' apabila tiba Syawal kerana naluri wanita yang gemar bergaya serta tidak mahu ketinggalan menggayakan trend terkini.

Berbanding dengan kaum lelaki, ada di antaranya tidak perlu menghantar kain baharu untuk dipotong kerana Baju Cara Melayu pada tahun lalu masih elok untuk dipakai.

Walaupun bagaimanapun, tempahan bagi menghasilkan Baju Cara Melayu juga tidak kurang hebatnya kerana ada sebilangan kaum lelaki juga mengubah suai reka bentuknya sedikit mengikut trend terkini dan jika dilihat di negara kita, bagi mereka yang mempunyai keluarga atau



PEMILIK Minah Exquisite Boutique and Tailoring yang dikenali sebagai Minah menjelaskan, tahun ini merupakan tahun yang paling banyak mereka menerima tempahan baju-baju raya berbanding pada tahun-tahun sebelumnya.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

pasangan, lebih gemar menghantar baju tempahan yang sepadan dan sama warna.

Salah sebuah butik menjahit baju yang kini cukup terkenal dalam kalangan para pelanggan ialah Minah Exquisite Boutique and Tailoring.

Ketika ditemui baru-baru ini, pemilik Minah Exquisite Boutique and Tailoring yang dikenali sebagai Minah, menjelaskan, tahun ini merupakan tahun yang paling banyak mereka menerima tempahan baju-baju raya berbanding pada tahun-tahun sebelumnya.

Menurutnya, mereka telahpun menerima tempahan untuk membuat baju raya seawal bulan Januari, di mana tempahan telahpun ditutup pada masa ini.

Butiknya yang terletak di Unit No 6, Blok D, Bangunan Haji Lajim dan Anak-Anak di Kampung Kiarong itu telah mula beroperasi enam tahun lalu dan anggaran harga bagi pembuatan

baju kurung dan fesyen di butiknya bermula serendah BND30 dan boleh mencapai sehingga BND400 mengikut cita rasa pelanggan.

Demi untuk menyiapkan tempahan pelanggannya, waktu operasi pada bulan Ramadan ini dilaratkan bermula dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 malam setiap hari, di mana beliau mempunyai seramai 27 orang pekerja yang masing-masing mempunyai tugas tersendiri, seperti memotong, menjahit dan menyulam manik dan sebagainya.

Ketepatan masa dan kepuasan hati pelanggan dengan hasil kerja tangan tukang jahit memangnya perkara yang sangat diharapkan oleh para pelanggan.

Mungkin sesetengah pelanggan harga yang ditetapkan bukanlah menjadi satu isu utama, yang penting baju yang ditempah dapat dihasilkan seperti yang dikehendaki untuk digayakan pada hari raya nanti.